

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/1

SULIT

02/1

SULIT  
02/1  
BAHASA  
MELAYU  
Kertas 1  
September 2010  
1 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PAHANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010

---

BAHASA MELAYU

Tingkatan 3

Kertas 1

Satu Jam Tiga Puluh Minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Semua jawapan anda hendaklah dihitamkan pada kertas jawapan yang disediakan.*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak*

SULIT

- 2 -


02/1

**Soalan 1 - 7**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih jawapan yang paling sesuai**.

- 1 Mereka \_\_\_\_\_ cerita yang didengar daripada orang lain sehingga cerita itu menjadi lebih panjang.
- |                  |                  |
|------------------|------------------|
| A mereka-reka    | C mengubah-ubah  |
| B berdolak-dalik | D menokok-tambah |

**Soalan 2** berdasarkan gambar di bawah ini.



- 2 Kain songket bercorak awan larat itu, \_\_\_\_\_ dengan begitu teliti agar menghasilkan hasil seni yang begitu kemas, indah, dan menarik.
- |           |           |           |           |
|-----------|-----------|-----------|-----------|
| A dianyam | B ditenun | C disulam | D dijahit |
|-----------|-----------|-----------|-----------|
- 3 Pengetua menyampaikan \_\_\_\_\_ kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan supaya tidak menghampakan harapan sekolah.
- |          |            |
|----------|------------|
| A ugutan | C amanat   |
| B amaran | D petunjuk |
- 4 Nazlia tetap bersabar \_\_\_\_\_ pelbagai cemuhan dilemparkan oleh penduduk kampung terhadapnya.
- |          |           |            |             |
|----------|-----------|------------|-------------|
| A ketika | B biarpun | C lantaran | D sementara |
|----------|-----------|------------|-------------|
- 5 Tugas sebagai penyelam memerlukan kudrat dan \_\_\_\_\_ yang tinggi, terutamanya ketika berada di dasar laut atau sungai.
- |              |              |
|--------------|--------------|
| A daya usaha | C daya saing |
| B daya tahan | D daya cipta |
- 6 Majlis Perbandaran Temerloh akan menjalankan operasi menembak anjing-anjing \_\_\_\_\_ esok.
- |        |        |         |          |
|--------|--------|---------|----------|
| A liar | B buas | C ganas | D garang |
|--------|--------|---------|----------|

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/1

SULIT

- 4 -

02/1

- 14 Oleh sebab telah lama tidak bersua, mereka bertukar-tukar pelbagai cerita-cerita  
A B  
menarik pada pertemuan itu. Tiada kesalahan.  
C D

**Soalan 15 - 17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai**.

- 15 I Kita harus mengikut *rasmi* padi, semakin tunduk semakin berisi.  
II Bangunan tambahan sekolah itu telah dibuka secara *rasmi* oleh salah seorang pegawai dari Kementerian Pelajaran.  
III Cikgu Hasnah meminta saya menulis sepucuk surat *rasmi* kepada Pengarah Muzium Negara.  
IV Sudah menjadi *rasmi* Hasmah bersalaman dengan ibunya sebelum pergi ke sekolah.
- A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV sahaja
- 16 I Cerita yang *berkesan* tentang hantu sering mendapat perhatian kanak-kanak.  
II Kami sungguh *berkesan* dengan tutur kata dan sopan santun yang ditunjukkan oleh jurujual tersebut.  
III Nasihat itu tidak *berkesan* untuk mengubah sikapnya.  
IV Kempen membaca yang kurang *berkesan* kerana masyarakat lebih suka akan hiburan.
- A I, II, III dan IV  
B I dan II sahaja  
C II dan III sahaja  
D I, III dan IV sahaja
- 17 I Nazri mendapat maklumat itu *melalui* internet.  
II Kami *melalui* jalan yang berbelok-belok dan bukit yang curam untuk sampai ke tempat itu.  
III Anak yang baik tidak berani *melalui* larangan dan pesanan ibu bapa.  
IV Dia *melalui* usia remaja tinggal di asrama sehingga berjaya dalam pelajaran.
- A I, III dan IV sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C I dan II sahaja  
D I, II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

SULIT

- 5 -

02/1

**Soalan 18 - 21**

Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.

18 Pengetua sekolah itu menyeru para guru-gurunya menunjukkan tingkah laku yang baik untuk dicontohi oleh pelajar-pelajar sekolah.

- |                          |  |
|--------------------------|--|
| A menyeru para gurunya   | C mengajak para-para guru                                |
| B menyeru para guru-guru | D <del>menyeru</del> para guru-gurunya<br><i>menyeru</i> |

19 Encik Musa amat sedihkan kematian anak bongsunya menyeru para guru-guru itu.

- |              |  |
|--------------|--|
| A sedihkan   | C <input checked="" type="radio"/> amat sedihkan |
| B amat sedih | D <input type="radio"/> amat sedih akan          |

20 Sudah tiga suku jam kami menunggu tetapi wajahnya tidak muncul-muncul.

- |                            |   |
|----------------------------|---|
| A Sudah tiga jam suku kami | C <input checked="" type="radio"/> Sudah kami tiga jam suku |
| B Sudah tiga suku jam awak | D <input type="radio"/> Sudah tiga suku jam kami            |

21 Mak Lang akan mengganti tugas mencari nafkah untuk anak-anaknya setelah Pak Lang terlibat dalam kemalangan jalan raya

- |                                     |                                  |
|-------------------------------------|----------------------------------|
| A menggantikan tugas mencari nafkah | C mengganti tugas mencari nafkah |
| B menggantikan tugas mencari nafkah | D gantikan tugas mencari nafkah  |

**Soalan 22 - 24**

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22 **“Wah, cantik sungguh lukisan-lukisan yang dipamerkah itu,” kata Wahidah kepada Jamilah.**

- A Wahidah memuji kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan ini kepada Jamilah.
- B Wahidah memberitahu Jamilah bahawa dia terpegun melihat lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.
- C Dengan perasaan hairan, Wahidah mengatakan kepada Jamilah bahawa lukisan-lukisan yang dipamerkan itu sangat cantik.
- D Dengan perasaan kagum, Wahidah memberitahu Jamilah tentang kecantikan lukisan-lukisan yang dipamerkan itu.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/1

- 23 **Melalui Program Khidmat Negara itu, mereka bukan sahaja memperoleh pengetahuan bahkan memperoleh pengalaman yang amat berguna.**
- A Memperoleh pengetahuan dan pengalaman amat berguna kepada para pelajar yang menyertai Program Khidmat Negara.
  - B Di samping pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka memperoleh pengalaman yang berguna juga.
  - C Selain mendapat pengetahuan tentang Program Khidmat Negara itu, mereka mendapat pengalaman yang berguna juga daripadanya.
  - D Bukan sahaja pengetahuan malah pengalaman yang berguna juga dapat diperoleh apabila mereka menyertai Program Khidmat Negara.
- 24 **Beberapa orang doktor pakar telah menjalankan pembedahan untuk memisahkan pasangan kembar siam itu dengan jayanya.**
- A Pembedahan itu telah berjaya dilakukan oleh beberapa orang doktor pakar terhadap pasangan kembar siam itu.
  - B Pembedahan yang dijalankan oleh pasangan doktor pakar itu berjaya memisahkan pasangan kembar siam itu. adalah hasil usaha beberapa orang doktor pakar dari Siam.
  - C Pasangan kembar siam itu berjaya dipisahkan melalui pembedahan yang dilakukan oleh beberapa orang doktor pakar.
  - D Kejayaan pembedahan itu yang dilakukan terhadap pasangan kembar siam itu adalah hasil usaha beberapa orang doktor pakar dari Siam.

**Soalan 25 - 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25 I Para pelajar harus meningkatkan disiplin diri mereka.  
 II Hakim menjatuhkan perompak itu hukuman penjara selama enam tahun.  
 III Perabot ini sangat mahal kerana ianya diimport dari Jerman  
 IV Kita mestilah yakin agar Tuhanlah yang menentukan segala-galanya.
- |                    |                     |
|--------------------|---------------------|
| A I dan II sahaja  | C II dan IV sahaja  |
| B I dan III sahaja | D III dan IV sahaja |
- 26 I Oleh kerana pelajar menumpukan perhatian yang lebih dalam bidang pelajaran sahaja.  
 II Pelajar yang diberi terlalu banyak wang saku akan menyalahgunakan wang saku itu untuk kegiatan negatif.  
 III Mutu persembahan pasukan bola sepak negara amat mengecewakan peminat.  
 IV Pada masa ini, dianggarkan terdapat sekitar 20,000 penagih dadah di negara ini.
- |                      |                          |
|----------------------|--------------------------|
| A I, II, III, dan IV | C I, II dan III sahaja   |
| B I dan II sahaja    | D II, III, dan IV sahaja |

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/1

SULIT

- 7 -

02/1

- 27 I Semua orang pelajar dikehendaki berada di dewan.  
 II Pemandangan di kawasan pergunungan itu indah nian.  
 III Peperiksaan bulanan bagi subjek Sejarah akan dilangsungkan.  
 IV Pihak berkuasa telah membina dewan masyarakat untuk faedah penduduk kampung.
- A I dan III sahaja  
 B II dan III sahaja  
 C II dan IV sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

## Soalan 28 - 30

*Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut.*

- 28 Walaupun abangnya bekerja dan tinggal di bandar tetapi dia tidak lupa membantu keluarganya di kampung. Selain itu, dia juga mengirinkan wang perbelanjaan kepada ibunya. Abangnya juga sering mengambil tahu tentang pelajaran adikadiknya. Sikap abangnya itu sesuai dengan peribahasa
- A Murah hati.  
 B Campur tangan.  
 C Mengambil hati.  
 D Mengambil berat.
- 29 Norhayati berasa serba salah sama ada hendak menerima lamaran daripada orang kaya itu atau terus membujang. Bak kata pepatah
- A sudah terhantuk baru temgadah.  
 B ditelan mati emak, diluah mati bapa.  
 C ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.  
 D berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- 30 Kamal kerap ditegur oleh majikannya kerana kerja yang dilakukannya kurang bermutu. Sebenarnya, Kamal memang tidak bersungguh-sungguh melaksanakan kerja-kerjanya. Dia hanya melakukan kerja itu ibarat .....
- A layang-layang putus tali.  
 B melepaskan anjing tersepit.  
 C melepaskan batuk di tangga.  
 D ada sampan hendak berenang.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 31 – 35**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*

Setelah baginda mendengar sembah Bendahara demikian, maka baginda pun tersenyum seraya bertitah, "Mamak Bendahara, sungguhkah seperti khabar orang, ada konon budak lima orang tatkala itu, ia berdiri di hadapan mamak Bendahara, ialah membunuh orang mengamuk itu?" Maka sembah Bendahara, "Daulat tuanku, sungguh ia membunuh orang mengamuk dan terlalu sekali perkasanya." Maka titah baginda, "Manatah budak-budak yang lima itu dan anak siapa? Anak orang baik-baikkah?" Maka sembah Bendahara, "Asalnya orang itu orang Sungai Duyung. Maka ia bersuaka dan berpindah ke mari dan ibu bapanya bersuaka pada patik. Adapun namanya Hang Mahmud, nama budak itu Hang Tuah; akan sekarang ada kelimanya sudah patik ambilkan anak patik; patik ambil jadikan biduanda Ke Bawah Duli Tuanku dan namanya sudah patik suratkan kelimanya dan nama ibu bapanya pun patik sudah tahu. Tempat duduknya pada kampung patik." Setelah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka titah baginda, "Kita pintalah kepada mamak Bendahara budak-budak lima itu, kita hendak jadikan biduanda di dalam." Maka sembah Bendahara, "Daulat Tuanku Syah Alam, patik persembahkan budak-budak ini Ke Bawah Duli Tuanku; sedangkan patik anak-beranak lagi hamba Ke Bawah Duli Tuanku, istimewa pula budak-budak lima itu. Syahadan budak-budak inilah yang patik persembahkan dahulu itu." Setelah baginda mendengar sembah Bendahara demikian itu, maka baginda pun memberi persalinan akan Bendahara pakaian yang indah-indah. Pakaian yang dipakai baginda itu ditanggalkan baginda daripada tubuh baginda dianugerahkan kepada Bendahara.

(Dipetik daripada prosa tradisional Keberanian Lima Bersaudara, Antologi Sehiuau Warna Daun, Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 31 Siapakah yang berjaya membunuh orang mengamuk?
- |                 |             |
|-----------------|-------------|
| A Budak berlima | C Bendahara |
| B Hang Mahmud   | D Hang Tuah |
- 32 Apakah jawatan yang dikurniakan oleh baginda raja kepada kelima-lima orang sahabat itu?
- |              |                   |
|--------------|-------------------|
| A Hulubalang | C Bendahara       |
| B Biduanda   | D Pengawal istana |
- 33 Latar masyarakat yang digambarkan dalam petikan ini ialah...
- A masyarakat Melayu zaman feudal.  
B masyarakat desa yang hidup bertani.  
C masyarakat luar bandar yang pengecut.  
D masyarakat yang mementingkan darjat.
- 34 Berdasarkan petikan ini, Bendahara mempunyai perwatakan....
- |                       |                               |
|-----------------------|-------------------------------|
| A panas baran.        | C handal bermain senjata.     |
| B berpendirian tegas. | D mudah berasa belas kasihan. |

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT**



SULIT

- 9 -

02/1

- 35 Kemuncak cerita Keberanian Lima Bersaudara ini digambarkan melalui peristiwa...
- A Hang Tuah dan empat orang sahabatnya dilantik sebagai biduanda di istana.
  - B Bendahara berjaya menyelamatkan diri daripada dibunuh oleh orang yang mengamuk itu.
  - C Hang Tuah dan empat orang sahabatnya berjaya membunuh empat orang yang mengamuk.
  - D Hang Tuah dan empat orang sahabatnya telah berjaya menamatkan perguruan dalam bidang persilatan.

**Soalan 36 - 40**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**NEGERI CINTA**

*Alam adalah sebahagian daripada kita  
alam adalah syurga bumi  
cinta kepadanya cinta jutaan bunga-bunga  
cinta kepadanya cinta jutaan jiwa manusiawi.*

*Di sanalah negeri tercantik  
negeri terlindung di luar penglihatan  
negeri kerinduan, negeri penghijrahan dari buruan yang mencekik.*

*Ini laut kita, lindungilah dari pencemaran  
ini hutan kita, lindungilah dari pemusnahan  
ini langit kita, lindungilah dari keracunan  
ini sungai kita, lindungilah dari pembuangan.*

*Malaysia negeri alam cinta sebelah sini  
negeri impian, negeri gemerlapan  
lindungilah dari keganasan-keganasan modenisasi  
negeri cinta, negeri budaya, negeri perpaduan.*

**NAHMAR JAMIL**

*(Dipetik daripada antologi Seuntai Kata  
Untuk Dirasa, Tingkatan 2,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)*

- 36 Berdasarkan sajak di atas, alam ini menjadi syurga jika kita
- A menentang keganasan.
  - B mengawal penghijrahan.
  - C mengawal pencemaran.
  - D mencintai budaya negara.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/1

SULIT

- 10 -

02/1

37 Baris puisi di atas menekankan nilai

- |                |                      |
|----------------|----------------------|
| A patriotisme  | C keindahan alam     |
| B kasih sayang | D kebersihan fizikal |

*Malaysia negeri alam cinta sebelah sini negeri impian, negeri gomerlapan*

38 Ungkapan yang berikut merupakan contoh gaya bahasa metafora.

- |                    |                    |
|--------------------|--------------------|
| A Ini laut kita    | C Negeri perpaduan |
| B Negeri tercantik | D Cinta kepadanya  |

39 Semua pernyataan di bawah ialah persoalan yang terdapat dalam sajak, **kecuali...**

- A pentingnya perpaduan dalam masyarakat.
- B tanggungjawab menjaga alam sekitar.
- C perasaan cinta akan negara.
- D pentingnya hidup mewah.

*dari buruan kehidupan yang mencekik*

40 Baris di atas membawa pengertian bahawa negara kita

- A tiada kemiskinan dan kelaparan.
- B bebas daripada kezaliman dan penindasan.
- C bukan tempat untuk mendapatkan kesenangan.
- D selamat daripada bencana alam dan peperangan.

**Kertas soalan tamat**

**SKEMA JAWAPAN**  
**BAHASA MELAYU TINGKATAN 3 (PMR)**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2010**

<b>NO SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>		<b>NO SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	
1	D		21	A	
2	B		22	D	
3	C		23	D	
4	B		24	C	
5	B		25	A	
6	A		26	D	
7	B		27	C	
8	B		28	D	
9	C		29	B	
10	C		30	C	
11	A		31	A	
12	C		32	B	
13	A		33	A	
14	B		34	D	
15	B		35	A	
16	D		36	C	
17	C		37	A	
18	A		38	C	
19	C		39	D	
20	A		40	B	

Percubaan PMR 2010 Pahang  
Bahasa Melayu 02/2

SULIT

02/2

SULIT  
02/2  
BAHASA  
MELAYU  
Kertas 2  
September 2010  
2 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PAHANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR TAHUN 2010

BAHASA MELAYU

Tingkatan 3

Kertas 2

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian : Bahagian A (i) dan Bahagian A (ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*

*Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak*

**Bahagian A (i)***[20 markah]*

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang **tindakan untuk memerangi jenayah**. Panjang ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kegiatan jenayah di negara kita akhir-akhir ini memerlukan penglibatan semua pihak untuk mengatasi dan mencegahnya daripada menjadi tidak terkawal. Semua pihak harus menyumbang dalam mengurangkan kadar jenayah di sekeliling kita. Dalam usaha untuk mencegah jenayah ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa bekerjasama dengan orang ramai untuk menyalurkan maklumat terkini dan tepat kepada orang ramai mengenai keadaan keselamatan di tempat mereka. Namun, isu yang menyulitkan orang ramai pada ketika ini ialah sistem penerimaan dan penyebaran maklumat terutama berkaitan jenayah kepada pihak polis yang masih menggunakan kaedah konvensional. Sistem yang ada sekarang ini ialah sebarang kegiatan jenayah yang berlaku perlu mengikut prosedurnya dan dilaporkan ke balai polis yang terdekat.

Sekiranya balai polis tersebut terletak jauh dari tempat pengadu dan sentiasa dipenuhi oleh orang ramai, akan mengambil masa yang lama untuk membuat laporan. PDRM dan orang awam perlu memantau keadaan keselamatan di sekeliling mereka. Cara ini akan melatih orang awam memberikan maklumat yang cepat dan tepat untuk mencegah jenayah. Memandangkan kejadian jenayah yang dilaporkan media massa seperti *tiada kesudahannya*, sudah sampai masanya bukan sahaja pihak berkuasa tetapi juga semua lapisan masyarakat diberi kesedaran mengenai pentingnya tindakan pantas dan berkesan terhadap bukan sahaja penjenayah, malahan isu dan punca yang membawa kepada perlakuan jenayah.

Pada waktu yang sama, sikap orang ramai yang menyembunyikan jenayah di tempat mereka hendaklah dielakkan. Setiap aduan berkaitan pencegahan jenayah perlu diberikan perhatian. Misalnya, sekiranya ada aduan mengenai pemasangan lampu jalan untuk mengatasi masalah jalan yang gelap atau aduan yang memerlukan tindakan untuk meningkatkan keselamatan jalan ke sekolah dan taman perumahan, perlu diberi perhatian segera. Oleh sebab kejadian jenayah berterusan dan kenyataan bahawa pihak penguat kuasa undang-undang bersendirian tidak mampu mengatasi masalah, kerajaan perlu mewujudkan program sosial yang berkesan untuk mengekang dan membasmi kejadian jenayah.

Selain itu, Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang ditubuhkan di kawasan kejiranan juga membantu memerangi jenayah. Dalam hubungan ini, usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar jenayah agar mewujudkan kejiranan dan bandar lebih selamat. Agenda untuk mengawal dan membasmi jenayah memerlukan usaha yang bersinergi, bersepadu, dan bersungguh-sungguh daripada semua pihak.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Tindakan Mengurangkan Jenayah", Oleh Normadiah Abu, *Utusan Malaysia*, 14 Februari 2009)

**[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

**Bahagian A (ii) : Pemahaman**

[10 markah]



Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *tiada* kesudahan. [ 2 markah ]
2. Apakah faktor-faktor yang menghalang usaha membendung jenayah? [ 4 markah ]
3. Pada pendapat anda, mengapakah seseorang itu sanggup melakukan jenayah? [ 4 markah ]

**Bahagian B**

[20 markah]

Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha mewujudkan perpaduan kaum dalam kalangan pelajar**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Bahagian C**

[40 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 180 patah kata**.

- 1 Semasa cuti penggal persekolahan yang lepas anda berpeluang untuk menghadiri suatu majlis perkahwinan yang diadakan di kampung .  
  
Ceritakan pengalaman anda semasa berada dalam majlis tersebut.
- 2 Masalah keracunan makanan dalam kalangan pelajar banyak berlaku dewasa ini.  
  
Huraikan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk mengatasi masalah tersebut.
- 3 Anda berminat untuk menyertai pertandingan syarahan yang diadakan di sekolah anda. Tajuk syarahan itu ialah 'Usaha-usaha Meningkatkan Mutu Bola Sepak Negara'.  
  
Tulis teks syarahan anda selengkapnya.
- 4 Kejadian merosakkan harta benda awam semakin menjadi-jadi di tempat tinggal anda. Anda ingin menulis sepucuk surat kepada pihak yang berkenaan untuk mengadu masalah itu.  
  
Tulis surat tersebut selengkapnya.

5

Berakit-rakit ke hulu, Berenang-renang ke tepian, Bersakit-sakit dahulu, Bersenang-senang kemudian.
--

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud pantun di atas.


[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Bahagian D**

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1 atau Tingkatan 3.

- (i) Meniti kaca, karya R.Sabarudin R.Abdullah
- (ii) Anak Din Biola, karya Maaruf Mahmud
- (iii) Aku Anak Timur, karya Siti Aminah Hj. Yusuf
- (iv) Limpahan Darah Di Sungai Semur, karya Zakaria Salleh
- (v) Panas Salju, karya Talib Samad
- (vi) Merdeka! Merdeka!, karya A.Rahman Hanafiah
- (vii) Ekspedisi, karya Mohd Ghazali Tocheh
- (viii) Kanang Cerita Seorang Pahlawan, karya Maznan Nordin



Rajah di atas merupakan tiga nilai murni yang boleh dijadikan teladan oleh setiap pembaca. Berdasarkan novel yang anda kaji, berikan **satu contoh peristiwa** bagi setiap nilai tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



02/2  
Bahasa Melayu  
September  
2010  
2 jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR  
TINGKATAN 3**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN & CADANGAN SKEMA**

---

**SKEMA PEMARKAHAN**  
**BAHASA MELAYU KERTAS 2 (02/2)**  
 PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN PMR 2010

Bahagian A (i)	– 20 markah
Bahagian A (ii)	– 10 markah
Bahagian B	– 20 markah
Bahagian C	– 40 markah
Bahagian D	– 10 markah

JUMLAH : 100 markah

**BAHAGIAN A (i) – RINGKASAN (20 Markah)**

Markah Isi : 10 markah

BILANGAN ISI	MARKAH
5	9 – 10
4	7 – 8
3	5 – 6
2	3 – 4
1	1 – 2

Markah Bahasa : 10 markah

- Kesalahan bahasa ditanda seperti penandaan karangan
- Bahasa dinilai secara impression
- Kriteria pemeringkatan markah seperti di bawah :

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	9 - 10	- Bahasa baik dan lancar - Guna ayat sendiri, pemilihan kata tepat, ayat gramatis dan penanda wacana sesuai - Ejaan dan tanda baca betul
Baik	6 - 8	- Bahasa baik dan lancar - Masih berupaya guna ayat sendiri, pemilihan kata agak terhad, ayat masih gramatis dan penanda wacana masih sesuai - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	3 – 5	- Bahasa kurang lancar - Terdapat kesalahan yg ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca <b>atau</b> – menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	1 – 2	- Keseluruhan jawapan menggambarkan penguasaan bahasa yang lemah - Menyalin secara terus daripada petikan

### Cadangan Cara Penandaan Ringkasan

- Isi minimum 5. Pemeriksa dikehendaki menanda / apabila terjumpa isi yang betul dan tulis 1 untuk isi yang pertama dan tulis 2 untuk isi yang kedua dan seterusnya (hingga isi kelima.)  
 Contoh :        1        2        3        4        5  
                   /        /        /        / /
- Jawapan calon diperiksa sehingga 80 patah perkataan, **tetapi dibenarkan sehingga habis perkataan dalam ayat terakhir. Buat satu garisan panjang selepas 80 patah perkataan.**
- Kalau calon menulis berperenggan, periksa seperti biasa.
- Calon **menyalin isi secara terpilih** tanpa sebarang perubahan ayat asal, markah isi seperti biasa, tetapi markah **bahasa – maksimum 5 markah.**
- Calon menyalin isi secara terpilih **tetapi ada wacana bahasa dan kosa kata yang sesuai sebagai penyambung ayat**, diperiksa seperti biasa.
- Jika calon menyalin isi secara terpilih dan ditulis dalam **bentuk poin**, markah untuk **isi adalah seperti biasa** tetapi **markah maksimum untuk bahasa ialah 4 markah.**
- Calon menyalin terus daripada petikan tanpa membuat apa-apa perubahan – **(menyalin bulat-bulat) = Markah isi dibahagi dua dan markah bahasa maksimum 2 markah**  
**Buat catatan : Calon menyalin petikan.**  
 \* Menyalin bulat-bulat bermaksud menyalin keseluruhan petikan yang diberikan atau keseluruhan daripada mana-mana perenggan.
- Isi yang tidak berturutan diperiksa seperti biasa.**
- Jawapan dalam bentuk poin tetapi ayatnya lengkap – markah isi diberi seperti biasa tetapi markah bahasa – **maksimum – 8 markah**
- Penandaan jawapan calon seperti penandaan karangan tetapi tiada pemetongan markah untuk kesalahan ejaan.

### Cara penulisan markah ringkasan

- |    |   |   |               |
|----|---|---|---------------|
| 1. | I | = | 5x2 = 10      |
|    | B |   | = <u>10</u>   |
|    |   |   | J = <u>20</u> |
- |    |   |   |   |
|----|---|---|---|
| 2. | I | = | 5x2 = 9 (mungkin ada isi yang kurang lengkap) |
|    | B |   | <u>8</u>                                      |
|    |   |   | <u>17</u>                                     |
- |    |   |   |  |
|----|---|---|--|
| 3. | I | = | 5x2= 10 (calon menyalin isi secara terpilih) |
|    | B |   | <u>5</u> (Markah bahasa maksimum 5)          |
|    |   |   | <u>15</u>                                    |

\* Menyalin isi secara terpilih
- |    |   |   |  |
|----|---|---|--|
| 4. | I | = | 2x2= 4 (bahagi 2) = 2 (calon menyalin bulat-bulat) |
|    | B |   | = <u>2</u> (markah bahasa maksimum 2)              |
|    |   |   | <u>4</u>   |

\* Menyalin petikan

**BAHAGIAN A (ii) : PEMAHAMAN (10 MARKAH )**

1. Petikan pemahaman umum berdasarkan petikan ringkasan
2. Jawab soalan pemahaman dengan menggunakan **ayat sendiri**
3. Tidak ada markah setengah (1/2) bagi jawapan bahagian ini.
4. Setiap isi yang diterima ditanda (/)
5. Kesalahan bahasa , cth ejaan, frasa ditanda seperti biasa (penandaan karangan)

**Soalan 1 :** Maksud rangkai kata (2 markah)

- memberikan **maksud rangkai kata** berdasarkan konteks petikan

- ayat jawapan mesti lengkap – subjek & predikat

2 markah – Maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis

1 markah – Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap

1 markah – Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja

1 markah – Hanya memberikan **sebahagian daripada maksud rangkai kata** / ayat gramatis

0 markah – Maksud tidak tepat mengikut konteks

**Soalan 2** - Soalan pemahaman berdasarkan petikan (4 markah)

– menjawab berdasarkan isi dalam petikan (4 m)

- kemukakan sekurang-kurangnya 2 isi/jawapan

- 1 jawapan yang betul – 2 markah, 2 jawapan yang betul – 4 markah

- jawapan mesti betul termasuk dari segi tatabahasa / ejaan

4 markah – Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis

3 markah – Isi cukup dan lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis

2 markah – Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis

1 markah – Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas serta ayat kurang gramatis

0 markah – Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis

0 markah - Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

**Soalan 3 :** Soalan Pemahaman Kemahiran Berfikir (4 markah)

- Jawapan berdasarkan **pendapat sendiri** yang berkaitan dengan petikan

- 2 jawapan diperlukan – 1 jawapan /isi yang sempurna – 2 markah dan tanda (/)

- jawapan mesti betul termasuk dari segi tatabahasa / ejaan

MARKAH	DESKRIPSI
4 markah	- Isi relevan mengikut tugas dan ayat yang gramatis
3 markah	- Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

**SOALAN BAHAGIAN B (KARANGAN BAHAN RANGSANGAN)**  
**Karangan Respons Terhadap** (20 markah)

- Jawapan mestilah dalam bentuk karangan berperenggan – Pendahuluan – Isi – Penutup.
- Periksa secara global/holistik. Nilai dari segi idea dan bukan isi. Idea hendaklah dihuraikan sebaik-baik mungkin.
- Gambar – sebagai rangsangan idea
  - idea yang sesuai dan bebas bagi soalan respons terbuka
  - isu semasa/ faktor-faktor/punca/kesan/ cara menangani/kesimpulan
- Jumlah perkataan – tidak lebih 120 patah perkataan/100-120 pp
- Karangan lebih 120 pp – diperiksa seperti biasa – tiada kesalahan
- Karangan disemak sehingga 120 patah perkataan yang selebihnya tidak disemak ‘
- Karangan pendek =kurang 100 pp – impresi turun
- Pemeriksaan secara impresi fokus kepada empat perkara i) menjawab tugas ii) bahasa iii) idea relevan dan iv) pengolahan. Kemudian nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berdasarkan kriteria penskoran.
- Penandaan kesalahan seperti karangan Bahagian C.

**Skema Pemarkahan Karangan Bahan Rangsangan (Respons Terhadap)**

Peringkat Pencapaian	Deskripsi
<b>Cemerlang</b> 16-20 m  C1 = 18-20 m C2 = 16-17 m	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>kata dan ayat</b> yang gramatis</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> yang luas dan tepat</li> <li>- <b>Ejaan dan tanda baca</b> yang betul</li> <li>- Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata.</li> <li>- <b>Idea</b> yang relevan berdasarkan tugas.</li> <li>- Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai serta berkembang</li> <li>- <b>Pengolahan</b> yang menarik dan berkesan</li> </ul>
<b>Baik</b> 11-15 m  B1 = 13-15 m B2 = 11-12 m	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>kata dan ayat</b> yang masih gramatis</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> tepat/tidak luas</li> <li>- Terdapat kesalahan yang minimum dalam penggunaan kata, frasa dan ayat.</li> <li>- Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang minimum</li> <li>- <b>Idea masih relevan</b> berdasarkan tugas</li> <li>- Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan</li> </ul>

	kesimpulan kurang dikembangkan - <b>Pengolahan</b> masih menarik/kurang berkesan
<b>Memuaskan</b> 06-10 m  M1 = 08-10 m M2 = 06-07 m	- Penggunaan <b>kata dan ayat</b> yang kurang gramatis - Penggunaan <b>kosa kata terhad</b> - Terdapat kesalahan yang ketara dalam penggunaan kata, frasa dan ayat - <b>Kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara - <b>Idea</b> kurang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan terhad - <b>Pengolahan</b> tidak menarik - Karangan bercampur aduk dalam peringkat ini.
<b>Penguasaan minimum</b> 01-05 m	- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap - Idea kabur/tidak berkaitan dengan tugas

**SOALAN BAHAGIAN C**  
**Karangan Respons Terbuka** (40 markah)

1. Periksa karangan berdasarkan **impression**. Jumlah perkataan karangan tidak perlu dikira,
2. Isi minimum :- 1 **isi**
3. Penolakan markah berdasarkan **ejaan**:  $\frac{1}{2}$  **markah** ditolak bagi setiap ejaan yang salah, tetapi tiada penolakan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang. Contoh : disamping itu, di terima  
 Maksimum markah ejaan ditolak ialah **2 markah**.  
 (4 kesalahan ejaan dan ke atas ).
  - Format: Tiada penolakan khusus bagi kesalahan format. Markah turun 1 hingga 3 markah secara impresion.
4. Pemeriksa hendaklah membaca karangan calon terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan (impression) daripadanya. Perkara yang perlu diberi perhatian untuk memberi pertimbangan adalah dari segi menjawab tugas, bahasa, idea yang relevan dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan peringkat karangan berdasarkan kriteria penskoran.
5. Baca karangan itu dengan teliti sekali lagi untuk pertimbangan yang muktamad. Sambil membaca karangan itu, tandakan kesalahan bahasa, ejaan, tanda baca dan isi/fakta seperti yang berikut:
  - (        )        Kesalahan isi
  - \_\_\_\_\_ Kesalahan bahasa, perkataan
  - /            Kesalahan ejaan
  - //          Kesalahan ejaan yang berulang
  - Kesalahan tanda baca

**KRITERIA MENILAI KEMAHIRAN MENULIS**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
1. BAHASA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kegramatisan : Kata (Morfologi) dan Ayat (Sintaksis)</li> <li>- Ejaan dan tanda baca betul</li> <li>- Kosa kata luas dan tepat</li> </ul>
2. IDEA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Isi-isi yang sesuai (Bilangan isi tidak ditekankan)</li> <li>- Huraian isi yang jelas</li> <li>- Contoh yang sesuai</li> </ul>
3. PENGOLAHAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengolahan menarik dan berkesan</li> <li>- Pemerenggan sesuai</li> <li>- Format menepati tugas</li> <li>- Unsur keindahan bahasa Cth-peribahasa/pantun/ungkapan/frasa yang menarik)</li> </ul>

**PERINGKAT KARANGAN BAHAGIAN C**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>
Cemerlang	33 – 40
Kepujian	25 – 32
Baik	17 – 24
Memuaskan	09 – 16
Penguasaan Minimum	01 - 08

**PERINGKAT PEMARKAHAN KARANGAN SOALAN BAHAGIAN C**

Soalan Bahagian C : Karangan Respons Terbuka (40m)

<b>Peringkat</b>	<b>Deskripsi</b>
<b>Cemerlang (33 - 40)</b>  <b>C1 (37 - 40)</b> <b>C2 (33 - 36)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat</li> <li>- Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang betul</li> <li>- Penggunaan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang betul.</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>- <b>Idea yang relevan</b> dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh yang sesuai.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan, pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>- Terdapat penggunaan <b>ungkapan</b> yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik dll.</li> </ul>

<p><b>Kepujian (25 - 32)</b></p> <p><b>K1 (29 - 32)</b> <b>K2 (25 - 28)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat</li> <li>- Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang sesuai.</li> <li>- Penggunaan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang betul. .</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>- <b>Idea yang relevan</b> dengan huraian yang jelas berserta contoh yang sesuai.</li> <li>- <b>Pengolahan menarik dengan</b> pemerenggan sesuai dan format menepati kehendak tugas.</li> <li>- Terdapat <b>penggunaan ungkapan</b> yang mudah seperti peribahasa/kata hikmat, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik.</li> </ul>
<p><b>Baik (17 - 24)</b></p> <p><b>B1 (21 - 24)</b> <b>B2 (17 - 20)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang sesuai.</li> <li>- Penggunaan pelbagai <b>ayat majmuk gabungan</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang masih sesuai.</li> <li>- Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>kosa kata umum</b> tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- <b>Idea masih relevan</b> dengan huraian yang masih jelas.</li> <li>- <b>Pengolahan</b> masih menarik dengan pemerenggan dan format yang masih sesuai mengikut tugas.</li> </ul>
<p><b>Memuaskan (09 - 16)</b></p> <p><b>M1 (13 - 16)</b> <b>M2 (09 - 12)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang terhad</li> <li>- Penggunaan <b>ayat yang mudah</b> tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>- Penggunaan <b>penanda wacana</b> yang kurang tepat..</li> <li>- Terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>- <b>Isi</b> masih relevan / idea bercampur aduk dengan huraian yang tidak jelas.</li> <li>- <b>Pengolahan kurang</b> menarik, pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat/format bercampur aduk.</li> </ul>
<p><b>Penguasaan Minimum (01 - 08)</b></p> <p><b>PM1 (05 - 08)</b> <b>PM2 (01 - 04)</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap dan lemah.</li> <li>- Karangan terpesong termasuk dalam peringkat ini.</li> </ul>



## BAHAGIAN D – NOVEL ( 10 MARKAH )

### PERINGKAT PEMARKAHAN BAGI SOALAN BAHAGIAN D (NOVEL)

**Pemarkahan:**

- Markah penuh (maksimum) = **10 markah**
- Isi = **6 markah**
- Bahasa = **4 markah**
- Jawapan **hendaklah ditulis dalam bentuk karangan** - huraian dan disertakan contoh
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang gramatis.
- Berikan 1 markah bagi setiap pernyataan yang betul.
- Berikan 1 markah bagi huraian atau contoh yang berkaitan.
- Markah maksimum bagi pernyataan dan huraian atau contoh ialah 6 markah.
- Markah maksimum bagi bahasa ialah 4 markah dan diberi berdasarkan impression.
- Kalau jawapan berbentuk 'point-form' tanpa huraian dan contoh, tolak markah isi 50% dan markah bahasa ialah 1 markah.
- Kalau jawapan berbentuk 'point-form' tetapi ada huraian dan contoh – isi - terima seperti biasa tetapi markah bahasa 1 atau 2 markah
- Jika calon menjawab bagi kedua-dua novel, pilih markah tertinggi sahaja.
- Jika jawapan calon bercampur-campur novel, pilih satu novel sahaja.
- Jika jawapan calon salah atau calon menyalin soalan, **berikan 1 markah bahasa** sahaja bergantung pada soalan.

### Kriteria Markah Bahasa

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	- Bahasa baik dan lancar - Ayat gramatis - Ejaan dan tanda baca yang betul
Baik	02 – 03	- Bahasa masih baik dan masih lancar - Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	01	- Bahasa tidak cekap - Ayat tidak gramatis - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

### Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Isi dihuraikan berserta contoh : 2 markah
3. Isi tanpa huraian dan contoh : 1 markah

**Cara Penandaan Bahagian D : Kajian Novel**

1. Tandakan ( / ) untuk setiap contoh berserta huraian yang betul
2. Calon hendaklah memberikan 1 contoh peristiwa bagi setiap satu teknik plot dan huraian yang betul. Markah maksimum bahagian isi ialah 6 markah.
3. Kurungkan jawapan calon dengan tanda ( ) jika calon memberikan contoh berserta huraian yang tidak tepat.

**Bentuk jawapan calon**

- Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap dan sempurna, ditulis dalam satu perenggan atau berperenggan (diterima seperti biasa)

**Jawapan dalam bentuk poin :**

1. Jika jawapan calon betul, dan lengkap dengan huraian – diterima seperti biasa

(Mak-10m)

2. Jika calon menjawab tanpa huraian – ayat isi ringkas – isi 1 m bagi setiap 1 contoh dan markah bahasa maksimum 2 markah. Jumlah- 3 markah isi dan 2 markah bahasa = 5m

3.

**Cara menulis Markah**

(a) I - 06  
B - 04  
10/10

Isi dan huraian yang tepat serta bahasa yang gramatis

(b) I - 04  
B - 02  
06/10

Jawapan calon dalam bentuk poin

(c) I - 00  
B - 02  
02/10

Jawapan calon tidak menjawab tugas

(d) I = 4  
B = 1  
5/10

Bahasa lemah

**BAHAGIAN A (i) : RINGKASAN****Cadangan isi Bahagian A ( i )****Tindakan memerangi jenayah :**

1. Penglibatan semua pihak untuk mengatasi dan mencegahnya daripada menjadi tidak terkawal.
2. PDRM bekerjasama dengan masyarakat untuk menyalurkan maklumat terkini dan tepat.
3. PDRM dan orang awam perlu memantau keadaan keselamatan di sekeliling mereka.
4. Semua lapisan masyarakat diberi kesedaran mengenai pentingnya tindakan pantas dan berkesan.
5. Setiap aduan berkaitan pencegahan jenayah perlu diberikan perhatian.
6. Skim Rondaan Sukarela yang ditubuhkan di kawasan kejiranan membantu memerangi jenayah.
7. Kerajaan mewujudkan program sosial yang berkesan untuk mengekang dan membasmi kejadian jenayah.
8. Usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengurangkan kadar jenayah agar mewujudkan kejiranan dan bandar yang selamat.

**[Beri 2 markah bagi setiap isi yang tepat.]**

**Bahagian A (ii) : Pemahaman**

1. Maksud rangkai kata ***tiada kesudahan*** :

<b>tiada</b>	<b>kesudahan</b>
<b>tidak</b>	berpenghujung

2. Faktor yang menghalang usaha membendung jenayah :
  - Sistem penerimaan dan penyebaran maklumat terutama berkaitan jenayah kepada pihak polis masih menggunakan kaedah konvensional.
  - Sikap orang ramai yang memnyembunyikan kes jenayah di tempat mereka.
3. Seseorang itu sanggup melakukan jenayah kerana :
  - Jalan mudah untuk mendapatkan wang/ menjadi kaya
  - Di bawah pengaruh dadah
    - tidak memikirkan risiko yang bakal menimpa.
    - Pengaruh media massa / terpengaruh dengan jenayah dalam filem

**[ Pilih mana-mana 2 isi yang sesuai ]**

## **BAHAGIAN B – KARANGAN BAHAN RANGSANGAN**

### **Cadangan Isi**

#### **Pendahuluan**

Perpaduan kaum penting untuk mencapai aspirasi negara menjadi negara maju.

#### **Isi-isi penting**

- (a) Perkhemahan yang disertai pelajar berbilang kaum- bekerjasama, mesra
- (b) Bersukan – bersatu untuk menang, bekerjasama, bertolak ansur/ Program RIMUP
- (c) Ceramah mengenai kepentingan perpaduan kaum untuk kehidupan yang harmoni
- (d) Gotong royong – bekerjasama tanpa mengira kaum, dapat berkenal mesra antara satu sama lain.

#### **Penutup**

setiap orang perlu menghargai keharmonian negara yang dinikmati hasil daripada perpaduan kaum rakyat di negara Malaysia

[ Terima mana-mana isi yang sesuai ]

## **Bahagian C - KARANGAN RESPONS TERBUKA**

### **SOALAN 1**

#### **Pendahuluan**

-pulang ke kampung menaiki kenderaan dan tiba empat jam kemudian.

#### **Isi-isi**

- i) saudara-mara telah tiba, berbincang untuk melicinkan majlis perkahwinan dan semua akur arahan Pak Long.
- ii) Bersama-sama penduduk kampung memasang khemah dan membuat persediaan.
- iii) Penduduk kampung datang membawa keperluan memasak seperti beras.
- iv) Pada hari perkahwinan, ramai jemputan datang. Saudara-mara melayan tetamu yang hadir.
- v) Pengantin tiba disambut paluan kompang, bunga manggar, dan silat. Suasana begitu meriah

#### **Penutup**

-selepas majlis berakhir, bersama saudara mara mengemas rumah

[Terima mana-mana isi yang sesuai]

## SOALAN 2

### Pendahuluan

-keracunan makanan dalam kalangan pelajar semakin serius-pelbagai usaha perlu diambil oleh ibu bapa.

### Isi-isi

- i) membawa bekal ke sekolah-kebersihan makanan dan kesihatan diri pelajar terjamin
- ii) ibu bapa -bekerjasama dengan pihak sekolah dan pihak berkuasa sekiranya terdapat keraguan dari aspek persekitaran kantin yang kotor
- iii) Membuat aduan sekiranya terdapat masalah kebersihan
- iv) Didikan dari kecil berkaitan penjagaan kebersihan

### Penutup

Semua pihak perlu bekerjasama untuk mengatasi masalah ini.

[Terima mana-mana isi yang sesuai]

## SOALAN 3

### Pendahuluan

-format surat kiriman rasmi

### Isi-isi

- i) antara harta benda awam yang dirosakkan ialah telefon awam, balai raya, dan permainan kanak-kanak di taman permainan-peti syiling telefon awam dipecahkan, kemudahan di balai raya seperti kipas angin dan lampu dicuri, manakala permainan seperti gelongsor dan jongkang-jongket diconteng
- ii) perbuatan tersebut dilakukan oleh sekumpulan remaja-aktiviti tersebut sering dilakukan pada waktu tengah malam
- iii) jawatankuasa penduduk telah menegur remaja tersebut tetapi mereka tidak serik-sebaliknya mereka memarahi dan mencabar penduduk-bimbang akan berlaku perkara yang lebih buruk
- iv) berharap agar pihak yang berkenaan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

[Terima mana-mana isi yang sesuai]

#### **SOALAN 4-SYARAHAN KARANGAN BERFORMAT**

##### **Pendahuluan**

- kata alu-aluan-menyatakan tajuk syarahan

##### **isi-isi**

- i) pihak pengurusan persatuan bola sepak negara perlu merangka pelbagai strategi-meningkatkan prestasi pemain kebangsaan
- ii) pemain perlu dipilih secara telus-diberi ujian ketahanan fizikal, kecerdasan mental dan keseimbangan emosi-melahirkan pemain yang baik-dapat mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.
- iii) Jurulatih pasukan kebangsaan perlu meningkatkan pengetahuan dari semasa ke semasa-ilmu yang diperoleh perlu disesuaikan dengan kemahiran, keupayaan, dan suasana persekitaran pemain kebangsaan
- iv) Pihak kerajaan dan swasta perlu bekerjasama menyediakan dana untuk membangunkan sukan bola sepak-menyediakan peralatan yang cukup untuk para pemain berlatih

##### **Penutup**

-untuk mencapai tahap dunia dalam sukan bola sepak bukanlah sesuatu yang mustahil-usaha yaang bersungguh-sungguh penting untuk meningkatkan mutu sukan bola sepak negara.

[Terima mana-mana isi yang sesuai]

#### **Soalan 5 - Pantun**

**Pendahuluan – Pantun berperanan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu.  
Merupakan warisan Melayu lama**

##### **Isi-isi penting**

**Maksud - Kesanggupan seseorang untuk mengharungi pelbagai kesukaran/cabaran demi menikmati sesuatu yang diimpikan.**

- Menceritakan seseorang yang susah/ miskin tetapi rajin berusaha untuk mencapai cita-citanya
- Tidak berputus asa – tidak menjadikan kesusahan sebagai penghalang untuk mengejar cita-cita
- Kesusahan dijadikan pendorong
- Akhirnya, usaha tanpa mengenal jemu telah membuahkan hasil

##### **Penutup**

- Mengambil pengajaran daripada pantun tersebut.

## **SKEMA JAWAPAN**

### **BAHAGIAN D**

#### **Limpahan Darah di Sungai Semur**

**-Nilai bekerjasama**

Contoh-kesungguhan anggota pasukan Askar Melayu Kompeni D dalam usaha memerangi pengganas komunis di Sg. Semur dua kali ganda ramainya.

**-Nilai bertanggungjawab**

Contoh-Leftenan Hassan yang bertanggungjawab mengetuai platunnya untuk menentang musuh

**-Nilai kegigihan**

Contoh-Jamaluddin yang gigih berusaha untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang askar.

#### **Ekspedisi**

**-Nilai bekerjasama**

Contoh-Semangat bekerjasama yang ditunjukkan oleh anggota ekspedisi yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk menjayakan rancangan yang diatur.

**-Nilai bertanggungjawab**

Contoh-Pak Salleh dan anggota ekspedisi melaporkan segala kegiatan penjenayah kepada pihak polis.

**-Nilai kegigihan**

Contoh-Kegigihan anggota ekspedisi yang sanggup menempuh pelbagai halangan dan cabaran untuk berjaya sampai ke kemuncak Gunung Itik.

